

11/03/2004

Perpaduan jitu asas pemilihan calon MCA: Ka Ting

Misiah Taib; Teh Kean Kiat

"HARI ini MCA adalah parti yang bersatu. Kalau dilihat senarai kita, kita tidak mengambil kira dari Team A atau Team B. Calon yang layak dan sesuai tanpa mengira dari kumpulan mana mereka sebelum ini, tetap dicalonkan.

"Saya gembira kerana MCA kini adalah satu pasukan. Saya jujur dan ikhlas mengatakannya dan saya bersikap terbuka mengenainya. Tunggu dan lihat saja senarai kita nanti, ia satu pasukan yang paling bersatu".

Pengakuan jujur Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, ini menunjukkan betapa parti yang mewakili majoriti kaum Cina itu akan menjadikan 'perpaduan jitu' sebagai pertaruhan utamanya ketika turun 'berperang' pada Pilihan Raya Umum ke-11 ini.

Realitinya, MCA sudah bebas sepenuhnya daripada masalah dalaman - hasil pelan damai bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang membawa kepada pertukaran pucuk pimpinan pada Mei 2003.

Dengan kedudukan sekarang tidak mustahil MCA yang bakal mempertaruhkan satu pasukan terkuat selain rekod cemerlang parti itu mampu menghadiahkan kerusi paling banyak dalam sejarah buat BN, selepas Umno sebagai parti tonggak.

Dengan membariskan pasukan seimbang, MCA bakal mencalonkan hampir 30 peratus muka baru dan turut memperuntukkan kerusi tambahan untuk Pergerakan Pemuda dan Wanitanya.

Pengekalan kesemua Menteri Kabinet, Timbalan menteri dan setiausaha Parlimen sedia ada, menjadi satu lagi bukti betapa MCA tidak lagi dibayangi oleh krisis dalaman.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, yang sebelumnya dari Team B dan dikatakan tidak akan dicalonkan semula, akhirnya disah dikekalkan bersama semua anggota Kabinet lain parti itu.

Chua yang dijangka mempertahankan kerusi Parlimen Bakri diyakini tidak menghadapi masalah dalam memastikan kawasan terbabit tidak jatuh ke tangan pembangkang, berdasarkan kemenangan besar yang dicatatkannya terutama pada pilihan raya 1995 dengan majoriti 12,318 undi dan pada 1999 dengan majoriti 13,360 undi.

Selain Ong (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) yang juga Ahli Parlimen Pontian, dua lagi menteri MCA yang dicalonkan semula ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy (Parlimen Selayang) dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn (Parlimen Selandar, Melaka).

Di kalangan Timbalan Menteri pula ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen (Raub); Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho (Bandar Tun Razak); Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow (Mentakab); Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat (Ampang Jaya); Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim (Seremban); Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung (Alor Star) dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan).

Sementara dua Setiausaha Parlimen ialah Wong Kam Hoong (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna - Bayan Baru) dan Datuk Ho Cheong Sing (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri - Ipoh Barat).

Rata-rata bakal calon MCA yang ditemui selepas majlis taklimat untuk bakal calon dan Pengerusi Bilik Gerakan MCA di ibu pejabat parti itu petang semalam, begitu bersemangat dan tidak sabar untuk turun padang.

Dengan berkongsi satu semangat, satu harapan dan satu wawasan, 130 calon MCA bakal memikul cabaran Barisan Nasional (BN) di 40 kerusi Parlimen dan 90 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara.

Sasaran utama MCA sudah pastinya untuk terus memastikan masyarakat Cina memahami usaha, pencapaian dan wawasan parti komponen BN kedua terbesar di Malaysia itu.

Memberitahu pengundi apa rancangan masa depan MCA dan bersikap jujur serta ikhlas kepada pengundi, bakal menjadi pendekatan MCA sepanjang lapan hari tempoh berkempen bermula lusa.

"Kita hanya akan menjanjikan kepada pengundi apa yang kita mampu buat dan kita tidak akan menabur janji-janji kosong.

"Pada masa sama kita akan mendedahkan tembelang sebenar pembangkang dan taktik mereka yang suka berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan serta tidak pernah berkhidmat dengan jujur kepada rakyat," ikrar Presiden MCA.

Pendekatan MCA ini sememangnya tepat memandang pengundi hari ini khususnya generasi baru mahu melihat kebenaran dan apa yang lebih meyakinkan, bukannya berterusan disaji dengan isu lapuk.

Seperti yang diperakui oleh bakal calon tunggal MCA di Terengganu, Toh Chin Yaw, gelombang sokongan rakyat sekarang lebih memihak kepada BN termasuk di Terengganu yang menjadi kubu kuat Pas.

Katanya, rakyat menyukai cara kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan sudah jemu dengan janji-janji manis pembangkang yang gagal diterjemahkan menjadi realiti.

"Sambutan baik rakyat kepada kepimpinan Pak Lah memberi kelebihan kepada calon-calon BN termasuk dari MCA. Dalam masa sama kita perlu berkerja kuat untuk menghadapi serangan pembangkang dan tidak harus berasa terlalu selesa," kata bakal calon termuda MCA, Gan Tian Loo, 32.